



Ruj.Kami : ANM.JB(A)70/01 Jld 2 (5 )  
Tarikh : 5 Januari 2020  
9 Jamadilawal 1441H

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan,

### PERINGATAN PENGGANTIAN PINDAHAN DANA ELEKTRONIK (EFT) DITOLAK SEHINGGA 31 DISEMBER 2019

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Jabatan Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2018 bertarikh 24 Oktober 2018 adalah berkaitan.

- Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan, PTJ bertanggungjawab untuk menyemak dan membuat penggantian/ pelarasan bagi Pindahan Dana Elektronik (EFT) Ditolak. Tindakan **penggantian/ pelarasan** hendaklah dilakukan **dalam tempoh tujuh (7) hari** selaras dengan arahan SPANM Bil 7 Tahun 2018.
- Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk membuat tindakan penggantian/ pelarasan dengan **SEGERA**. PTJ juga bertanggungjawab untuk **menyemak dan memantau Laporan Terperinci EFT Batal secara harian** bagi mematuhi peraturan yang berkuatkuasa. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi :
  - Pn. Norizan Binti Abd Halim di samb 1152 (EFT 2018 hingga semasa)
  - Pn. Khairus Salwa Bte Mohd Samsury di samb 1061 (EFT 2014 hingga 2017)
- Kerjasama dan tindakan segera YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan untuk mengambil tindakan berhubung perkara ini didahului ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"**

Saya yang menjalankan amanah,

(NIRMALA DEVI A/P THIRUMALAI C.A(M))

b/p Pengarah Negeri  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Johor